












RESEARCH MANAGEMENT CENTRE  	<b>KRITERIA PENGURUSAN SUMBANGAN TUNAI YANG LAYAK POTONGAN CUKAI DUA KALI (DOUBLE TAX DEDUCTION)</b>	Semakan: 0
		Tarikh : 25 Julai 2023
		Muka surat 1 Daripada 3


BIL.	PERKARA	KETERANGAN
1.	<b>Pengenalan</b>	Kriteria ini menjelaskan tentang pelaksanaan proses kerja, pengurusan dan pentadbiran berkaitan <b>sumbangan tunai</b> daripada entiti perniagaan tempatan ( <i>local business entity</i> ) kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) bagi mendapatkan Potongan Cukai Dua Kali ( <i>Double Tax Deduction</i> ), di bawah Seksyen 34B (1)(a), Akta Cukai Pendapatan 1967.
2.	<b>Objektif</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Memberi maklumat terperinci mengenai pengurusan termasuk perancangan, pelaksanaan (peraturan penerimaan dan penggunaan) dan pemantauan sumbangan tunai.</li> <li>Merangkumi pelaksanaan kerja, pengurusan, dan pentadbiran yang berkaitan dengan sumbangan tunai.</li> <li>Menjadi rujukan utama kepada warga universiti dalam mematuhi Seksyen 34B (1)(a), Akta Cukai Pendapatan 1967.</li> </ol>
3.	<b>Perancangan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Jawatankuasa Pemegang Amanah bagi Tabung Sumbangan Tunai <i>Double Tax Deduction</i> (DTD) mempunyai kuasa untuk membuat perancangan berkenaan promosi inisiatif ini.</li> <li>Unit Pemasaran, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan &amp; Inovasi), Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dan penyelidik UTM boleh membuat promosi kepada mana-mana entiti perniagaan tempatan berkaitan insentif ini.</li> </ol>
4.	<b>Perincian Penerimaan dan Penggunaan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Peraturan Penerimaan <ol style="list-style-type: none"> <li>Sumbangan hendaklah dalam bentuk tunai yang diterima daripada entiti perniagaan tempatan (<i>local business entity</i>) yang telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).</li> <li>Sumbangan boleh disalurkan pada bila-bila masa dengan pemakluman rasmi kepada Pengarah RMC melalui emel rasmi RMC.</li> <li>Sumbangan hendaklah digunakan bagi tujuan yang dinyatakan dalam kriteria ini sahaja.</li> <li>Sumbangan hendaklah disalurkan ke akaun rasmi Bendahari UTM.</li> </ol> </li> <li>Peraturan Penggunaan <ol style="list-style-type: none"> <li>Sumbangan tunai yang diterima adalah terhad penggunaannya dan tidak boleh digunakan untuk memberi manfaat kepada penyumbang.</li> <li>Sumbangan tunai hanya boleh digunakan untuk tujuan-tujuan berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>Basiswa atau skim penyelidik muda untuk pelajar pasca siswazah yang sedang menjalankan penyelidikan di bawah kepimpinan Ketua Projek yang telah mendaftarkan geran penyelidikan tersebut di RMC.</li> <li>Penyelenggaraan alat-alat penyelidikan bagi projek yang telah didaftarkan dengan geran penyelidikan di RMC oleh Ketua Projek.</li> <li>Kegunaan lain yang berkaitan dengan penyelidikan dan pembangunan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pemegang Amanah bagi Tabung Sumbangan seperti penawaran geran, jaringan, bengkel dan sebagainya.</li> </ul> </li> <li>Kutipan Sumbangan boleh digunakan tidak terhad kepada tahun penerimaan.</li> </ol> </li> </ol>
5.	<b>Proses Kerja</b>	Proses kerja adalah diperincikan seperti berikut: Lampiran 1: Carta Alir Penerimaan Sumbangan Tunai Lampiran 2: Carta Alir Penggunaan Sumbangan Tunai
6.	<b>Pengurusan Sumbangan Tunai</b>	Sumbangan tunai yang diterima akan diuruskan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) menggunakan Tabung Akaun Amanah Penyelidikan RMC, R.J130000.7113.3M024 : Tabung Sumbangan Tunai <i>Double Tax Deduction</i> yang diselia oleh Bahagian Governan dan Pentadbiran RMC.

<p>RESEARCH MANAGEMENT CENTRE</p> 	<p><b>KRITERIA PENGURUSAN SUMBANGAN TUNAI YANG LAYAK POTONGAN CUKAI DUA KALI (DOUBLE TAX DEDUCTION)</b></p>	<p><b>Semakan: 0</b></p>
		<p><b>Tarikh : 25 Julai 2023</b></p>
		<p><b>Muka surat 2 Daripada 3</b></p>
<p>7.</p>	<p><b>Pentadbiran Sumbangan Tunai</b></p>	<p>1. Satu Jawatankuasa Pemegang Amanah bagi Tabung Sumbangan yang terdiri daripada keahlian seperti berikut ditubuhkan bagi urusan pentadbiran sumbangan tunai:</p> <p><b>Pengerusi</b></p> <p>1.1 Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan &amp; Inovasi)</p> <p><b>Ahli</b></p> <p>1.2 Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)  1.3 Pengerusi Frontier Materials Research Alliance  1.4 Pengerusi Innovative Engineering Research Alliance  1.5 Timbalan Pengarah RMC (Pengurusan &amp; Pemantauan Projek)  1.6 Timbalan Bendahari TNCPi  1.7 Timbalan Pendaftar TNCPi  1.8 Timbalan Pendaftar RMC/ Setiausaha</p> <p>2. Terma Rujukan (TOR) Jawatankuasa ini termasuklah mengesahkan kedudukan kewangan Tabung Amanah dan meluluskan penggunaan sumbangan tunai.</p>







RESEARCH MANAGEMENT CENTRE  	<b>KRITERIA PENGURUSAN SUMBANGAN TUNAI YANG LAYAK POTONGAN CUKAI DUA KALI (DOUBLE TAX DEDUCTION)</b>	Semakan: 0
		Tarikh : 25 Julai 2023
		Muka surat 3 Daripada 3

**Lampiran 1: Carta Alir Penerimaan Sumbangan Tunai**

Staf yang Bertanggungjawab	Aliran Kerja	Proses Kerja
		Mula
UMV/ Penyelidik / RMC		Membuat hebahan dan pemakluman berkaitan manfaat dan faedah DTD (sumbangan tunai tanpa pulangan faedah kepada bakal penyumbang)
Penyumbang		Menyalurkan sumbangan tunai ke akaun rasmi Bendahari UTM dan memaklumkan secara rasmi kepada pihak RMC
RMC		Menyemak kelayakan penyumbang dari segi jenis syarikat
RMC		Menyemak sumbangan tunai yang diterima di Jabatan Bendahari
Jabatan Bendahari		Mengesahkan dan menyalurkan sumbangan tunai ke Tabung Akaun Amanah Penyelidikan
RMC		Mengeluarkan surat dan resit sumbangan kepada penyumbang
		Selesai/ Tamat

RESEARCH MANAGEMENT CENTRE  	<b>KRITERIA PENGURUSAN SUMBANGAN TUNAI YANG LAYAK POTONGAN CUKAI DUA KALI (DOUBLE TAX DEDUCTION)</b>	Semakan: 0
		Tarikh : 25 Julai 2023
		Muka surat 4 Daripada 3

**Lampiran 2: Carta Alir Penggunaan Sumbangan Tunai**

Staf yang Bertanggungjawab	Aliran Kerja	Proses Kerja
		Mula
RMC		Menyemak dan memperaku laporan kewangan Tabung Akaun Amanah Penyelidikan untuk dibawa ke Jawatankuasa Pemegang Amanah
Jawatankuasa Pemegang Amanah		Menyemak dan memperaku laporan kewangan Tabung Akaun Amanah Penyelidikan serta membuat cadangan penggunaan Tabung Akaun Amanah Penyelidikan
Jawatankuasa War Room atau setara/ Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU)		Menyemak dan meluluskan permohonan penggunaan sumbangan tunai: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sehingga RM 50,000.00 akan diluluskan di Jawatankuasa War Room atau setara;</li> <li>• Melebihi RM50,000.00 ke atas akan dibuat di peringkat JPU</li> </ul>
RMC		Menguruskan bayaran bagi tujuan yang diluluskan
		Selesai